



PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 3 November 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 39/2025

Semua Dekan/Pengarah

Fakulti/Institut/Pusat

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA SEBARANG BENTUK PENILAIAN BAGI PELAJAR DARI NEGERI SABAH SEMPENA PILIHAN RAYA NEGERI KE-17 MULAI 24 HINGGA 28 NOVEMBER 2025

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas, dan Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-17 yang akan berlangsung pada 29 November 2025 (Sabtu) adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara tersebut kepada pelajar dari Negeri Sabah **tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) masing-masing** bagi membolehkan para pelajar pulang dan menunaikan tanggungjawab sempena Pilihan Raya Negeri Ke-17 dengan:

- i. Memberikan pelepasan kuliah;
- ii. Melaksanakan aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (P&P) secara dalam talian atau hibrid; **dan/atau**
- iii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89215016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori


ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROFESOR DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM), UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM), UKM
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM), UKM
 - Presiden Interim, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89215016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my